

# Isteri PM sedia bantu bendung gejala buang bayi



ROSMAH MANSOR

KUALA LUMPUR 14 Feb. – Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menawarkan dirinya untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dalam usaha membendung gejala pembuangan bayi di negara ini yang semakin berleluasa.

Menurut Rosmah, beliau tidak sanggup lagi melihat dan mendengar kejadian yang berlaku hampir setiap hari terha-

dap bayi-bayi yang tidak berdosa itu.

“Oleh itu, saya dengan rela hati ingin membantu pihak kerajaan dalam menyelesaikan gejala ini, saya rela untuk bekerjasama.

“Saya mengharapkan supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi atau ia makin berkurang pada satu hari nanti,” katanya kepada pemberita ketika

ditemui pada majlis sambutan Tahun Baru Cina 2010 anjuran Parti Gerakan di Menara PGRM, Cheras, di sini hari ini.

Beliau mengulas empat kejadian kes buang bayi yang berlaku sepanjang minggu ini termasuk yang terbaru semalam di Kuala Krai, Kelantan apabila seorang bayi ditemui di dalam tong sampah dalam keadaan rentung dengan tali pusat yang

masih segar dan uri melekat di tubuhnya.

Bagi menangani masalah itu daripada berterusan, Rosmah menggesa pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam perkara itu supaya mengambil tindakan sewajarnya secepat mungkin.

Ditanya perlukah kerajaan menubuhkan sebuah lagi pusat khusus untuk ibu-ibu yang ti-

dak boleh membesarkan anak-anak mereka dengan sempurna, katanya, jika ada pusat seperti itu sekalipun beliau masih tidak pasti sama ada ibu-ibu terbabit mahu menonjolkan diri mereka.

“Mungkin pusat itu boleh diadakan, tetapi mungkin mereka juga akan berasa malu untuk muncul di khalayak ramai,” jelasnya.